

Sifat positif menjamin pinjaman dari bank

KUALA LUMPUR 14 Jan. – Memiliki sifat-sifat positif merupakan satu daripada perkara yang perlu diambil kira oleh bank dalam memberikan pinjaman kepada usahawan.

Ketua Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr. Noor Azman Ali menegaskan, seorang usahawan juga perlu mempunyai sifat amanah yang boleh meyakinkan orang lain terutama bank.

“Usahawan juga perlu mempunyai sifat integriti dan kedudukan kewangan yang baik bagi membuktikan ia berkemampuan untuk mencapai prestasi yang baik serta berpotensi untuk mengekalkan keadaan eko-



DR. NOOR AZMAN ALI

nomi perniagaannya.

“Hal ini penting kerana rekod yang baik dalam berurusan akan menjadikan seseorang itu mampu menunjukkan tiada penyelewengan daripada perjanjian yang telah dipersetujui,” ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Keupayaan Institusi Pembiayaan Sederhana, Kecil dan Mikro Dalam Melahirkan Usahawan Kecil yang Berdaya Maju: Ke Arah Suatu Pendekatan Baru Yang Lebih Berkesan* pada Kongres Ekonomi Malaysia Ke-3 (KEI-3) di sini hari ini.

Selain itu, jelas Noor Azman, perancangan dan pengetahuan mengenai perniagaan juga perlu dititik beratkan.

“Ini adalah untuk membuktikan usahawan tersebut mempunyai kemahiran berniaga dan mampu untuk membuat keputusan yang secara berkesan dan teratur,” katanya.

UPUSAN MALAYSIA
15/1/09.

(PERSONALITY)